

**Mohamad Aziz Dakwa Kenyataannya Mengenai Ambiga Dipesong DAP
Bernama
28 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Sri Gading Datuk Mohamad Aziz Khamis membidas Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng kerana memesongkan kenyataannya di Dewan Rakyat mengenai isu menggantung Pengerusi Bersama Bersih 3.0 Datuk S. Ambiga.

Mohamad menegaskan kenyataannya pada Selasa lepas pada persidangan Dewan Rakyat adalah berupa pertanyaan berbunyi 'Apakah Ambiga tidak boleh kita anggap penderhaka kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan hukum gantung kepada dia?'

Ia jelas merupakan satu pertanyaan dalam konteks keselamatan negara yang menjunjung keluhuran Perlembagaan dengan berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara, katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Mohamad berkata pertanyaan itu diajukan kerana perhimpunan Bersih 3.0 dipengerusikan bersama Ambiga merupakan kejadian yang boleh mengancam keamanan, mengganggu keselamatan rakyat, menentang polis, merosakkan harta benda awam dan merosakkan imej negara.

Beliau turut mengesyaki ada campur tangan asing dengan kehadiran diplomat dan anggota Parlimen luar negara pada perhimpunan itu di ibu negara pada 28 April lepas, seakan membuktikan adanya pakatan 'dari dalam' yang mahukan campur tangan luar yang boleh mencemar kedaulatan Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676563>